

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM YAYASAN AIDS MALAYSIA `RED RIBBON GALA`

TEMPAT: HOTEL RENAISSANCE, KUALA LUMPUR

TARIKH: 19 OCT 1996

MASA:

1. Saya amat gembira kerana dapat berada dengan tuan-tuan dan puan-puan malam ini untuk satu acara yang mempunyai banyak tujuan. Pertamanya, ialah untuk memungut derma untuk Yayasan AIDS Malaysia supaya yayasan dapat menjalankan kegiatan-kegiatan penerangan dan pendidikan serta membolehkan Malaysian AIDS Council (MAC) mengadakan program-program pencegahan dan `care` bagi pesakit-pesakit HIV/AIDS. Ini adalah suatu usaha terpuji oleh pihak badan bukan Kerajaan supaya tidak bergantung kepada Kerajaan dalam menjalankan kegiatan mereka. Pungutan derma pada malam ini, saya difahamkan, adalah untuk Tabung Yayasan supaya ia mempunyai punca kewangan yang lebih stabil dan tetap untuk melaksanakan program-program MAC. Memandangkan masalah penyakit AIDS akan berada dengan kita buat masa yang tidak dapat ditentukan, usaha untuk mencegah dan merawat pesakit hendaklah diteruskan secara kegiatan yang berpanjangan.

2. I understand also that tonight the Foundation aims to recognise the role of the media in the effort to generate better understanding of the HIV/AIDS epidemic among our people. Indeed the media, as an instrument of mass information, is crucial in this effort because they are able to provide the basic information about the virus and its destructive capabilities as well as generate discussion about the many issues arising from the presence of the virus to large sectors of our community. I would therefore like to congratulate in advance the winners of the Red Ribbon Awards and urge them to continue their good work.

3. AIDS adalah satu wabak penyakit yang amat menekan jiwa pesakit yang terlibat, keluarga mereka dan masyarakat keseluruhannya. Hari ini terdapat 28 juta orang yang telah dijangkiti HIV/AIDS di seluruh dunia dan enam juta sudah pun meninggal dunia. Tidak ada siapa yang terselamat daripada penyakit ini, sama ada lelaki atau perempuan, tua atau muda ataupun kanak-kanak.

4. Sembilan puluh peratus daripada mereka yang dijangkiti oleh HIV/AIDS berada di negara-negara membangun. Negara-negara yang termiskin sekali di Afrika adalah yang paling teruk dijangkiti penyakit ini.

5. Adalah diramalkan bahawa Asia akan diserang oleh penyakit ini secara besar-besaran semata-mata kerana penduduk Asia begitu ramai. India umpamanya mempunyai bilangan pesakit AIDS yang terbesar sekali dalam dunia. Kita tidak tahu keadaan sebenarnya di negara-negara Asia yang lain yang mempunyai penduduk yang ramai.

6. Apa yang jelas ialah negara membangun lebih terdedah kepada penyakit ini daripada negara maju. Sebabnya ialah kekurangan wang yang menyebabkan negara membangun tidak dapat membekal kemudahan kesihatan yang diperlukan.

7. Sebaliknya rakyat negara-negara maju diberi maklumat dan pengajaran yang cukup berkenaan dengan cara-cara mengelak daripada dijangkiti dan jika dijangkiti mereka mendapat rawatan yang lebih lengkap dan sempurna. Akibatnya ialah walaupun penyakit AIDS mula dikenali sebagai wabak yang amat merbahaya di negara maju Amerika Syarikat, bilangan pesakit AIDS di negara itu dan negara maju yang lain tidak meningkat dengan tinggi. Sebaliknya di negara-negara membangun, terutama negara yang miskin, bilangannya bertambah dengan begitu cepat dan banyak.

8. Rawatan bagi setiap orang pesakit HIV positif dengan menggunakan sejenis ubat yang hanya dapat memanjangkan umur memerlukan belanja sebanyak RM35,000 setahun. Sementara negara maju memerlukan perbelanjaan yang kecil kerana bilangan pesakit tidak ramai, negara miskin memerlukan belanja yang berkali ganda lebih banyak kerana bilangan pesakit yang lebih ramai. Akibatnya ialah hampir semua pesakit di negara miskin tidak diberi apa-apa rawatan, tetapi pesakit di negara maju mendapat rawatan rapi.

9. Di Malaysia kita diberitahu bahawa bilangan yang mengidapi HIV/AIDS positif berjumlah 17,000 orang. Angka ini tidak mungkin tepat kerana pesakit yang dikesan terhad kepada mereka dalam 'high-risk group' sahaja, umpamanya penagih dadah dan pelacur. Mereka ini sudah tentu akan menjangkitkan penyakit mereka kepada rakan, pelanggan, isteri dan anak. Bilangan mereka ini tentu ramai tetapi kita tidak dapat mengesan mereka kerana mereka belum berasa apa-apa 'symptom' atau mereka memperkecilkan keadaan kurang sihat yang mereka alami. Mungkin juga ramai yang meninggal dunia kerana AIDS tetapi tidak

diketahui. Saya yakin bilangan mereka yang mengidap HIV/AIDS di Malaysia jauh lebih ramai daripada angka yang disebutkan tadi. Mungkin ramai yang bukan penagih dadah dan bukan pelacur sudah dijangkiti HIV/AIDS tanpa dikesan oleh Kementerian Kesihatan, bahkan diketahui oleh pesakit sendiri.

10. Bilangan pesakit HIV/AIDS di negara-negara maju tidak ramai kerana mereka tahu mencegah jangkitan dan mengubatnya jika mereka mendapat penyakit ini. Tetapi yang penting sekali ialah mereka lebih sedar akan bahaya penyakit ini dan mengambil tindakan untuk mengelak daripada dijangkiti dengan tidak mendedahkan diri kepada penyakit ini dan menggunakan alat pencegah seperti kondom. Jika sudah dijangkiti, mereka menggunakan alat berkenaun untuk melindungi isteri daripada dijangkiti oleh mereka. Jika mereka sudah dijangkiti HIV mereka dapat menjaga kesihatan mereka supaya tidak melarat menjadi AIDS dan terdedah kepada penyakit yang boleh membawa maut.

11. Di negara-negara membangun seperti Malaysia kesedaran dan pengetahuan berkenaan penyakit AIDS tidak meluas. Demikian juga pengetahuan tentang cara-cara mencegah.

12. Keadaan menjadi lebih buruk kerana budaya kita menyebabkan isteri menerima sahaja bahaya yang dihadapi tanpa apa-apa bantahan. Dengan itu bukan sahaja isteri yang mendapat penyakit tetapi anak yang dilahirkan juga mengidap penyakit AIDS. Jika sesuatu tidak dibuat maka penyakit AIDS akan menyerang sebahagian yang tidak kecil daripada masyarakat kita. Dan kita yang sihat pun mungkin terdedah juga kepada penyakit ini kerana jika pesakit sendiri tidak sedar, bagaimanakah kita akan sedar tentang penyakit mereka. Kita mungkin terdedah dengan tidak menyedarinya.

13. Untuk menyelamatkan kita yang sihat, kita perlu tentukan bilangan pesakit AIDS dalam masyarakat kita tidak bertambah. Perkara pertama yang perlu dilakukan ialah menentukan sikap kita terhadap penyakit ini. Janganlah kita anggap AIDS sebagai penyakit orang yang jahat dan berdosa dan oleh itu memang padanlah bagi mereka yang mengidap penyakit ini. Sebenarnya bukan jahat sahaja yang mengidap penyakit ini. Yang baik pun, termasuk isteri dan anak yang baru dilahirkan juga boleh mengidap penyakit ini. Oleh itu, pesakit AIDS harus diberi pertimbangan sama seperti orang yang mengidap penyakit-penyakit lain. Mereka harus diberi simpati dan keperihatinan selaras dengan budaya kita. Masalah mereka perlu diberi pandangan yang berat dan masyarakat harus berusaha untuk menolong mereka yang sudah dijangkiti dan menyedarkan mereka yang belum

dijangkiti tetapi terdedah kepada penyakit ini. Untuk ini semua orang yang sihat boleh memainkan peranan dengan mengambil tahu tentang penyakit ini dan mengambil bahagian dalam kegiatan NGO seperti MAC atau menghulur derma kepada badan-badan seperti ini. Semua ini akan menolong mengurangkan bilangan pesakit AIDS di kalangan kita dan secara tidak langsung mengurangkan kemungkinan kita dijangkiti penyakit ini.

14. As a doctor I am concerned that some members of the profession are not too keen to deal with AIDS patients. This is very unfortunate because doctors are the best people to educate and advise their patients. They would even be able to advise members of the family who are at risk.

15. The reluctance on the part of the doctors is putting pressure on the few doctors who have sympathetically treated AIDS patients. This is unfair. We should be practising medicine in the true spirit of the profession. The AIDS patients suffer from a stigma in addition to very real fears. The unsympathetic attitudes of the doctors simply aggravate their situation. I would like to appeal to doctors to look upon AIDS patients as normal people, for indeed they are normal. Most of them are unknowing victims who really need our care and sympathy.

16. Dalam menangani masalah AIDS kita harus berterus-terang. Kita harus jelas bagaimana AIDS boleh dijangkiti dan boleh merebak dalam keluarga. Dengan ini kita akan dapat mencegah penyakit ini dengan lebih berkesan.

17. Saya ingin mengingatkan semua pihak bahawa bukanlah hak kita untuk menghukum mereka yang mendapat penyakit ini. Kita tidak boleh berkata bahawa penyakit mereka adalah disebabkan kesalahan mereka sendiri. Kerap juga mereka dijangkiti sama seperti kita dijangkiti penyakit lain, atau mendapat sakit barah atau diserang sakit jantung. Sepertimana kita tidak boleh menghukum pesakit barah atau jantung, kita tidak boleh menghukum pesakit AIDS. Mungkin kita lebih berdosa daripada mereka. Justeru itu, berilah mereka simpati dan pertolongan seperti juga kita bersimpati dengan pesakit biasa, atau orang yang mengidap penyakit barah yang menanti maut. Tolonglah mereka kerana kita atau keluarga kita juga tidak boleh dijamin bebas daripada serangan penyakit ini. Jika kita kurangkan bilangan pesakit AIDS dalam masyarakat kita, maka kita akan lebih selamat.

18. We all have our parts to play to protect our country from the ravages of HIV/AIDS. Government

can do so much and the NGOs can do so much. Everyone should play his part. I would therefore like to commend those of you who have stepped forward to assist the Malaysian AIDS Council and Foundation whether in cash or in kind. To the NGOs working in this field, I hope you take heart from the support that you have received tonight and continue your good work and to the Organising Committee of the Red Ribbon Gala, I congratulate you on a very successful fund raising effort. To those with AIDS or HIV, I say take heart, for there will be more people who will care for you.